

## Meningkat Kualiti Kursus-kursus di FPI Melempi Aras Ketiga Bloom Taxonomy

Kod Projek: PTS-2011-099

<sup>1</sup>Muhamad Faisal Asha'ari (Ketua Projek), <sup>3</sup>Ahmad Munawar Ismail,  
<sup>1</sup>Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, <sup>1</sup>Anuar Puteh, <sup>1,6</sup>Badlihisam Mohd. Nasir, <sup>2</sup>Hakim Zainal,  
<sup>2</sup>Md. Nor Abdullah, <sup>5</sup>Muhammad Adib Samsudin, <sup>1</sup>Razaleigh Muhamat @ Kawangit,  
<sup>1</sup>Wan Ahsani Fadhilah Wan Mahmud Khairi, <sup>4</sup>Wan Nasyrudin Wan Abdullah & <sup>1</sup>Zainab Ismail

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

<sup>3</sup>Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

<sup>4</sup>Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam

<sup>5</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, <sup>6</sup>Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Bidang pengajian Islam sering kali dikaitkan dengan kejumudan dan pasif kerana ia dikatakan gagal terkehadapan menerajui arus kemodenan pada hari ini. Ia dianggap bidang yang ketinggalan dan tidak berdaya saing untuk memajukan negara. Para pengkaji mendapati antara sebab yang mendorong kepada fenomena ini ialah kaedah pembelajaran dan pembelajaran di dalam bidang ini yang lebih tertumpu kepada aspek hafazan dan pemahaman sahaja, tidak mencapai tahap analisis, inovasi dan penilaian. Dimensi *reasoning* pula kurang diberikan tumpuan sedangkan ia merupakan aspek yang terpenting di dalam pengajian Islam bagi memastikan pelaksanaan Islam dalam dunia moden pada hari ini. Ia juga dapat memastikan bahawa Islam itu adalah agama yang relevan dalam dunia moden pada hari ini, dan tidak diajar seperti subjek sejarah sahaja. Menurut kaedah pengajaran moden, tahap analisis, inovasi dan penilaian melepasi aras ketiga *bloom taxonomy* yang dianggap sebagai tahap yang berkesan di dalam sesebuah pengajaran.

Di peringkat kementerian, JPT telah mewajibkan semua kursus di peringkat universiti termasuk kursus-kursus dalam Pengajian Islam melepasi aras ketiga *bloom taxonomy*. Ia telah dimulakan pada sesi pengajaran semester II, 2010/2011 walaupun sepatutnya ia telah dimulakan sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, ia masih belum lagi terlambat justeru usaha perlu digiatkan untuk menghasilkan penyelidikan dan inovasi dalam Pengajian Islam. Kecemerlangan pencapaian tamadun Islam pada zaman silam adalah hasil jalinan yang baik antara kemampuan rasional dan autoriti nas al-Quran dan al-hadis.

Justeru, kajian ini akan cuba menguji persepsi dan menganalisis pengalaman pelajar dan juga pensyarah tentang kualiti pembelajaran dan pengajaran yang boleh meningkatkan kemampuan *reasoning* dengan melepasi aras ketiga *bloom taxonomy*. Dapatan kajian ini akan dibandingkan dengan dengan profile kursus yang mencatatkan pencapaian *bloom taxonomy*. Ia juga akan dikaitkan dengan kemampuan akademik pelajar iaitu keputusan

PNGK dan keputusan matematik dan sains ketika SPM kerana ia ada kaitan dengan kemampuan *reasoning* pelajar. Kajian ini akan mencadangkan bentuk-bentuk inovasi yang diperlukan dalam pengajian Islam yang akan dibahagikan mengikut jabatan untuk memastikan kursus yang dijalankan benar-benar mampu meningkatkan keupayaan kefahaman, malah juga meransang inovasi dan mendorong kreativiti.

### OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti pengalaman pelajar tentang tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang melepasi aras ketiga bloom taxonomy.
2. Mengetahui pasti kualiti kursus yang boleh melepasi aras ketiga bloom taxonomy menerusi profile kursus dan soalan peperiksaan yang disediakan
3. Mengetahui pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh meningkatkan kualiti kursus melepasi aras ketiga bloom taxonomy.

### METODE KAJIAN

1. Kajian kuantitatif yang menggunakan metode soal selidik bagi mendapatkan data.  
  
Soal selidik akan diedarkan kepada 50 orang setiap jabatan bagi mendapatkan persepsi dan pengalaman mereka tentang pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pengajian Islam.
2. Kaedah kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen bagi menganalisis soalan peperiksaan akhir bagi subjek wajib Fakulti.

Sebanyak 12 subjek wajib Fakulti yang dianalisis.

### ULASAN KEPUSTAKAAN

Dominasi Barat kepada dunia dapat dilihat melalui penciptaan teknologi dan ideologi mereka yang telah merentasi sempadan antarabangsa sejak abad ke-17 lagi. Dengan erti kata lain, dominasi ini telah banyak memajukan negara mereka yang akhirnya membawa perubahan kepada corak kehidupan di peringkat antarabangsa. Penguasaan Barat pada hari ini telah mewujudkan satu persepsi bahawa umat Islam seolah-olah tidak berkelayakan dalam memimpin dunia, mundur serta tidak mampu terkehadapan dalam arus kemodenan yang menjadikan hidup manusia semakin kompleks. Fenomena ini merupakan satu fenomena yang negatif terhadap agama Islam itu sendiri sedangkan Islam itu tinggi (mulia) dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Maksudnya:

Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya. (At-Taubah 9:33)

Jika dilihat kepada situasi semasa dan berdasarkan kepada konteks ayat ‘ditinggikan atas segala agama yang lain’ seolah-olah memberikan pertentangan antara jaminan Allah di dalam al-Quran dengan keadaan yang wujud dalam masyarakat Islam sekarang. Kelemahan dan kemunduran Islam ini telah disedari oleh beberapa pemikir dan sarjana Islam terdahulu dan sekarang. Banyak kajian yang telah dilakukan oleh para ilmuan Islam dari serata dunia dalam menyelesaikan permasalahan ini seperti Ibnu Khaldun, Muhammad Abduh dan Sayyid Ahmad Khan. Mereka telah bersepakat bahawa pendidikan merupakan elemen terpenting yang menyumbang ke arah kebangkitan dan kejatuhan umat Islam yang pada ketika itu zaman renaissance sedang berlaku dengan rancak di dunia Barat (al-Attas: 62). Oleh itu bab ini akan membincangkan tentang faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada berlakunya fenomena negatif ini dalam dunia pendidikan secara umumnya dan dunia pengajian Islam secara khususnya serta kaitannya dengan Islamisasi ilmu dan gerakan tajdid. Bab ini juga akan membincangkan tentang usaha beberapa buah universiti untuk meningkatkan dan memartabatkan bidang pengajian Islam pada abad ini.

### **KRITIKAN TERHADAP BIDANG PENGAJIAN ISLAM**

Para sarjana dan ilmuan Islam telah banyak mengemukakan kritikan-kritikan yang menyentuh aspek pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Pengajian Islam dalam usaha untuk memperbaiki kelemahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam sejak beberapa kurun yang lalu sehinggalah pada abad ke-21. Oleh itu satu usaha yang telah dilakukan oleh mereka adalah dengan mengadakan satu kongres antarabangsa yang menjadikan Pendidikan Islam sebagai tema utama kongres tersebut. Tokoh sarjana dan ilmuan yang terlibat dalam kongres ini ialah Syed Naquib al-Attas dan Ismail Al-Faruqi. Mereka merupakan penggerak utama ke arah penganjuran kongres ini dan pelopor kepada pembaharuan dalam pendidikan Islam pada abad ke-20. Kongres ini telah melibatkan 315 orang para ilmuan dan ahli akademik yang dijemput oleh pihak Universiti King of Abdulaziz, Jeddah. Kongres ini juga merupakan satu langkah pertama dalam mengetengahkan isu ilmu dan pendidikan Islam dalam konteks syariat Islam di peringkat antarabangsa. Kongres ini telah diadakan di tanah suci Makkah anjuran. Universiti Raja Abdul Aziz pada tahun 1977 bermula pada 31 Mac sehingga 8 April 1977 (Ismail Ibrahim: 55).

Kongres ini diadakan sebagai satu usaha untuk menimbulkan kesedaran mengenai isu pendidikan dalam Islam, mendedahkan kelemahan-kelemahan sistem dan produk Barat dan dalam pada masa yang sama menawarkan penyelesaian-penyelesaian dalam konteks Islam seperti Islamisasi ilmu pendidikan. Selain itu kongres ini membincangkan kaedah pelaksanaannya dalam bentuk yang lebih praktikal seperti penubuhan universiti Islam dan lembaga pemikiran Islam sebagai model awal kepada usaha-usaha melahirkan produk modal insan Muslim berkualiti yang mengikut acuan Islam (Hasan Asari: 127).

Biarpun setelah 20 tahun kongres ini berlalu, kualiti pengajaran dan pembelajaran bidang pengajian Islam pada hari ini masih lagi tidak menunjukkan perubahan yang memuaskan. Keadaan ini dapat dilihat melalui beberapa kritikan yang mendasar yang telah dikemukakan oleh para sarjana dan pemikir Islam moden seperti Ziyauddin Sardar (1977), Hassan Langgulung (1979), M.Natsir (1979), Rosnani Hashim (1996), Mumtaz Ali (1998), Sidek Baba (2001) dan Mona Abaza (2002). Melalui penulisan-penulisan mereka, penulis telah mengenal pasti empat faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini iaitu kesan buruk fenomena *exam-oriented* dalam sistem pembelajaran pengajian Islam, pengajian Islam terperangkap dalam dilema untuk memenuhi dua keperluan, kaedah

pengajaran dan pembelajaran yang kurang efektif dan dinamik dan hubungan hati terhadap ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **Fenomena *exam-oriented* dalam sistem pembelajaran pengajian Islam di peringkat universiti**

Sistem penilaian pengajian yang berorientasikan peperiksaan adalah satu sistem yang lebih mementingkan kecemerlangan akademik sehingga menjadikan orientasi pengajaran dan pembelajaran para pendidik dan pelajar berubah kepada usaha untuk mencapai keputusan peperiksaan yang terbaik semata-mata (Yuanzhi: 2011) yang akhirnya mewujudkan fenomena *exam-oriented*. Sistem ini merupakan salah satu sistem penilaian dalam pendidikan yang menggunakan kaedah peperiksaan sama ada dalam bentuk peperiksaan awam atau peperiksaan berkala secara bulanan atau semester dalam melihat pencapaian pelajar dalam satu-satu subjek atau bidang yang dipelajari. Keadaan ini telah menyebabkan beberapa fokus dan objektif utama pengajaran dan pembelajaran dalam institusi pendidikan tidak dapat dipenuhi secara tidak langsung seperti mengabaikan aspek berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bermasyarakat dan kemahiran-kemahiran lain. Kesannya para pelajar hanya mementingkan kecemerlangan akademik dalam peperiksaan sehingga mengabaikan aspek pembinaan sahsiah dan kefahaman yang mendalam terhadap satu-satu mata pelajaran. Sedangkan matlamat pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan bersepadu terutamanya dalam aspek pembangunan akhlak (Mohd Fauzi; 2). Fenomena ini berlaku ekoran daripada sistem meritokrasi yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bermula pada peringkat sekolah lagi bagi memperkemaskan dan meningkatkan lagi kualiti pendidikan dalam melahirkan rakyat yang mampu bersaing dalam pasaran kerja.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Merdeka Center pada 2005 mengenai 'Education System Perceptions Survey telah mendapati seramai 48% orang responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah memberikan jawapan 'Ya' dalam menjawab soalan mengenai pandangan mereka terhadap sistem pendidikan di Malaysia lebih menekankan sistem penilaian berdasarkan kepada peperiksaan yang akhirnya membawa kepada fenomena *exam oriented*. Hanya 38% sahaja yang memberikan jawapan 'sistem ini merupakan sistem yang seimbang' manakala 4% lagi memberikan jawapan 'Tidak Pasti'. Mereka mengakui bahawa anak-anak mereka sentiasa tertekan apabila berhadapan dengan musim peperiksaan dan keadaan emosi negatif yang dialami oleh anak-anak mereka ketika berlakunya perbincangan mengenai keputusan peperiksaan yang melibatkan jumlah 'A' yang telah diperolehi bersama-sama dengan ibu bapa mereka. Dapatan kajian ini membuktikan kepada kita bahawa majoriti ibu bapa menyedari sistem ini mempunyai kelemahan yang memerlukan kepada beberapa penambahbaikan yang tertentu dalam meningkatkan kemampuan pelajar yang mempunyai kecerdasan yang pelbagai (Salhah:20).

Keadaan ini boleh menyebabkan timbulnya persepsi yang salah dalam dunia pendidikan. Persepsi salah ini telah memperkecilkan skop pendidikan yang terlalu mengutamakan penilaian kepada aspek kepandaian akademik dalam mengukur tahap keupayaan pelajar yang cemerlang. Kesannya mereka lebih mementingkan *pointer* yang baik dan dalam pada masa yang sama telah mengetepikan soal adab dan pembangunan aspek dalaman diri mereka sendiri sehingga wujud fenomena budaya ilmu yang berorientasikan peperiksaan. Fenomena ini turut berlaku dalam sistem pendidikan dan pembelajaran dalam bidang pengajian Islam.

Menurut Rosnani Hashim dalam bukunya yang bertajuk *Education Dualisme in Malaysia* (1996) telah menegaskan bahawa fokus pembelajaran yang berkonsepkan peperiksaan memberi kesan yang negatif para pelajar bidang pengajian Islam kerana mereka tidak berkeupayaan bersikap analitikal, kritis dan terkehadapan dalam memberi maklum balas yang baik dalam menghadapi persoalan semasa yang semakin hari semakin meluas dan mencabar sama ada daripada aspek pemikiran dan cara hidup.

Kesannya para pelajar dilihat menjadi hamba kepada sistem yang begitu mengejar nilai merit sehingga hilangnya roh menuntut ilmu dalam kehidupan mereka. Keadaan ini turut menimpa kepada para pelajar pengajian Islam apabila orientasi pembelajaran bermatlamatkan kepada aspek kecemerlangan akademik semata-mata. Mereka dilihat mendalami Islam itu dalam konteks untuk mendapatkan pekerjaan apabila tamat pengajian yang akhirnya menyebabkan mereka tidak dapat memberi sumbangan yang sewajarnya kepada masyarakat dalam mengetengahkan Islam sebagai cara hidup (Mahayuddin: 132). Selain itu, pelajar pengajian Islam juga hanya dilihat pintar dalam belajar tetapi tidak mempunyai kepintaran dalam bermasyarakat.

A.Hasjmy (1979) telah meluahkan kebimbangan yang serupa apabila fenomena ini turut menimpa institusi perguruan agama seperti di Universiti al-Azhar dan fakulti-fakulti pengajian Islam IAIN di Indonesia. Beliau mempersoalkan cara penerimaan pelajar terhadap kurikulum dalam subjek-subjek agama kerana para pelajar dilihat hanya mempelajarinya sekadar untuk mengetahui dan tidak mampu menterjemahkan dari segi amalan. Oleh itu fungsi pengajaran agama telah berubah daripada orientasi yang sebenarnya yang akhirnya hanya bertujuan untuk mengajar ilmu-ilmu agama sebagai satu bentuk pengetahuan yang hanya mengisi dan membina akal semata-mata.

Menurut al-Ghazali dalam bukunya yang bertajuk *Kimiyyah al-Saadah* (2007) dalam membincangkan bab ilmu pengetahuan menyatakan ilmu yang tidak diamalkan merupakan ilmu yang sia-sia ibarat pokok yang tidak berbuah yang tidak ada manfaatnya. Oleh itu sistem dan cara pengajaran dan pembelajaran yang tidak mampu menggerakkan para penuntutnya dalam beramal dilihat sebagai satu sistem pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan dan gagal. Hal ini demikian kerana ilmu yang dipelajari sebenarnya bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan dirinya bermanfaat kepada manusia. Oleh itu dalam usaha mendekatkan diri kepadaNya dan mampu menyumbang kepada masyarakat maka seseorang itu perlu mempraktikkan ilmu yang dipelajari yang bukan hanya mengisi akal tetapi mampu menggerakkan hati dan anggota badan untuk beramal. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ (2) كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ (3)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Mengapakah kami memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah-kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. (al-Saff:2-3)

Kenyataan ini telah pun ditegaskan oleh Wan Mohd Nor dalam bukunya yang bertajuk 'Penjelasan Budaya Ilmu' (1997) apabila beliau menunjukkan bahawa budaya peperiksaan telah menggantikan budaya ilmu dalam sistem pendidikan negara. Para pelajar dilihat lebih menekankan amalan hafalan dan mengetepikan aspek pemahaman dan mencungkil makna daripada perkara yang dipelajari menjelang musim peperiksaan.

Berdasarkan pemerhatian penulis, sistem pengajaran dan pembelajaran yang mengetepikan aspek pemahaman tidak akan dapat menyentuh hati para penuntut. Kesannya ilmu itu tidak akan menghasilkan tindakan untuk mengamalkan perkara yang telah dipelajari dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana fokus pengajian yang bersifat ilmiah bertukar kepada penilaian yang bersifat *quantify* yang memperlihatkan sesuatu hasil dari segi kuantiti melalui sistem *merit* atau *pointer* dalam peperiksaan. Keadaan ini menyebabkan si penerima ilmu tidak bersifat mandiri dan tidak berkebolehan untuk mengaitkan ajaran Islam dengan kehidupan.

### **Pengajian Islam terperangkap dalam dilema untuk memenuhi dua keperluan**

Dilema ini timbul kesan daripada reaksi umat Islam yang berhadapan dengan tuntutan kemajuan dunia serta masyarakat dan dalam pada masa yang sama perlu memenuhi matlamat pendidikan dalam Islam. Kesannya matlamat pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam dilihat bersifat mencapah dan tidak komprehensif. Keadaan ini ditambah lagi dengan kefahaman mengenai *Islamic Studies* masih dilihat sangat terbatas dalam kalangan masyarakat dan pelajar. Mereka mempunyai pandangan bahawa pengajaran Islam bersifat *disfungsional* dalam lapangan-lapangan tertentu dan hanya terbatas dalam aspek keagamaan semata-mata sedangkan pada hakikatnya Islam merupakan satu agama yang universal dan merentasi pelbagai bidang dan pemikiran. Keadaan ini memerlukan kepada anjakan paradigma semula mengenai apakah pendidikan Islam, skopnya dan juga sama ada bidangnya merentasi semua bidang ataupun tidak (Muhammad: 244).

Oleh sebab itu isu ini memerlukan kepada satu jawapan dan keputusan yang jelas mengenai persoalan 'perkara utama yang ingin diwariskan kepada para mahasiswa pengajian Islam' di institusi pengajian tinggi. Adakah sekadar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik setelah tamat pengajian, memperbaiki kelemahan diri, menambah ilmu pengetahuan dan hanya berada dalam tingkat pengkhususan bidang sahaja? (Fauzi Hamat: 43). Jika dilihat dari dimensi yang lebih luas mereka sebenarnya berperanan penting dalam memperbaiki masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, situasi dan pola pemikiran mengenai kehidupan dan seterusnya menjadi ikutan serta rujukan dalam hal-hal kebaikan dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana produk yang dihasilkan dalam bidang pengajian Islam adalah dalam bentuk modal insan dan bukannya produk berbentuk material.

Namun begitu adakah keadaan ini disedari oleh para pelajar pengajian Islam? Al-Faruqi (1987: 14) telah membuat satu penegasan bahawa universiti merupakan tempat men'cetak' tokoh dan universiti merupakan tempat yang mampu menghasilkan acuan pelajar yang diperlukan oleh masyarakat berdasarkan kepada ketinggian ilmu yang dimiliki (ibid: 15).

Jika diteliti dengan lebih mendalam matlamat pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran yang baik perlu kepada satu objektif atau misi yang begitu jelas, konkrit, telus dan melangkaui matlamat material dan bukan bersifat setempat iaitu tidak hanya mempunyai objektif yang bertujuan untuk memenuhi kehendak individu atau organisasi semata-mata.

Oleh itu matlamat pendidikan bukanlah berada dalam keadaan statik malahan perlu bersifat fleksibel, berterusan, berkembang dan dinamik seiring dengan dengan kehendak masyarakat yang sentiasa terdedah dengan pelbagai perubahan. Kenyataan ini ditulis oleh Zulkiflee

(2008) dalam bukunya yang bertajuk *Institusi Pengajian Syariah dan Sains Era Kegemilangan Tamadun Islam*. Hal ini demikian kerana dunia sifatnya berubah dan tidak kekal. Oleh itu dalam memastikan agama Islam dilihat sebagai jalan keluar terbaik yang mampu memenuhi keperluan kehidupan sepanjang zaman, mahasiswa pengajian Islam bukan sahaja perlu berilmu tetapi berkeupayaan mengadaptasi dan menyesuaikan syariat Islam bertepatan dan bersesuaian dengan situasi masyarakat dan masa pada ketika itu tanpa mengetepikan perkara-perkara dasar dalam Islam. Namun begitu, keupayaan ini tidak akan mampu dimiliki oleh mahasiswa pengajian Islam sekiranya kemahiran menganalisis dan menyelesaikan masalah tidak diajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran di universiti.

Situasi ini berlaku disebabkan oleh matlamat pengajian Islam di universiti yang tidak jitu, terlalu umum dan terhad berdasarkan kepada polisi kerajaan. Keadaan ini menyebabkan beberapa elemen penting yang perlu diajar kepada para pelajar diabaikan, pengisian dan buku-buku yang digunakan dalam kuliah ataupun tutorial akhirnya tidak dapat memenuhi keperluan sebenar prinsip-prinsip pengajian Islam.

Selain itu faktor ini turut memberikan kesan negatif yang lain apabila mereka juga tidak mampu bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak semestinya apabila berlaku proses pengajaran maka proses pembelajaran turut berlaku. Mereka sepatutnya disedarkan bahawa mereka bertanggung jawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Kesedaran inilah yang akan melahirkan tindakan untuk bertindak aktif sewaktu proses pengajaran berlangsung di dalam kuliah atau kelas (Saemah 2011: 2). Kajian ini juga membuktikan bahawa masalah ini wujud sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat kepada permasalahan dalaman iaitu matlamat pembelajaran yang kabur dalam diri pelajar. Kajian umum ini membuktikan bahawa para pelajar pengajian Islam juga tidak terlepas daripada permasalahan ini (Mohd Fauzi:180).

Ekoran daripada permasalahan ini para graduan pengajian Islam juga dilihat tenggelam dan lebih bersedia menjadi pengikut daripada menjadi pemimpin masyarakat apabila terjun dalam dunia kemasyarakatan yang lebih luas. Tindakan ini menyebabkan masyarakat tidak akan dipengaruhi dan diubah ke arah yang lebih baik. Situasi ini bukanlah seperti mana yang dikehendaki dalam Islam lebih-lebih lagi apabila mereka merupakan golongan yang mendalami ajaran Islam.

Menyedari hakikat ini pihak pengurusan akademik bersama-sama dengan tenaga pengajar perlu melakukan pembaharuan dalam menetapkan semula matlamat pengajian Islam supaya lebih jelas, dinamik dan komprehensif agar dapat memenuhi tuntutan Islam dan keperluan zaman.

### **Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan kaedah yang lebih efektif dan dinamik**

Dunia pengajian Islam memerlukan kepada metod pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bertenaga dan mempunyai kekuatan untuk melakukan penyesuaian mengikut keperluan semasa. Berdasarkan kepada kritikan yang diberikan oleh para tokoh dan sarjana Islam terdahulu kaedah pengajaran dan pembelajaran di bidang ini masih dilihat kurang efektif dan dinamik.

Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan dinamik merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mencorakkan pemikiran pelajar dalam memahami dan seterusnya membentuk pola fikir mereka terhadap inti agama Islam itu sendiri.

Banyak kritikan telah diberikan dan diutarakan oleh para ilmuan Islam dan Barat mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam bidang pengajian Islam antaranya ialah Mukti Ali yang dinukilkan oleh Abdul Fatah (2006) apabila beliau mengatakan bahawa:

*Islam was not to be understood in terms of text alone but rather in the dynamic approach and relation between text and subject, dogma and praxis, ideas and society. It was this aspect that made Islam a living religion and as a living, organic, dynamic phenomenon it could and should be studied scientifically.*

Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa sarjana dan pemikir Islam dan Barat yang lain seperti Muhammad Qutb (1990) dan Bradely (1999). Muhammad Qutb dalam bukunya yang bertajuk *Waqi'una al-Mu'asir* (1990) menyatakan bahawa pelajar agama akhirnya telah bertukar kepada para penghafal dan bukannya para pemikir. Keadaan ini disebabkan oleh majoriti kaedah yang digunakan di serata tempat dalam negara-negara Islam banyak menekankan kaedah penghafalan sehingga menyetepikan keupayaan berfikir mengenai agama Islam itu sendiri. Akhirnya mereka lebih dikenali sebagai seorang yang berilmu berdasarkan kepada apa yang dihafal melalui teks, syarahan dan nota sehinggakan mereka tidak mampu untuk berfikir sendiri atau mempunyai keberanian dan berkeyakinan dalam mengeluarkan hujah dan pandangan mereka sendiri dalam satu-satu isu.

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mengambil kira faktor kefahaman (tafahhum) sebagai matlamat yang sangat utama. Kefahaman adalah puncak kepada proses pembelajaran. Asas kefahaman mesti diikuti dengan cara berfikir (artikulasi). Hafazan dan kefahaman tanpa lahirnya tradisi pemikiran tidak akan melahirkan minda yang kreatif, kritis dan juga reflektif.

Menurut Bradely dalam tulisannya yang bertajuk *Islamic Versus Western Concepts of Education: Reflection on Egypt* (1999) menyatakan kaedah pengajaran yang berasaskan kepada pembentangan kertas kerja dalam kuliah dilihat kurang berkesan memandangkan kebanyakan daripada mereka hanya diajar mengenai agama Islam dan bukannya teras, makna dan hakikat subjek tersebut. Semua ini adalah semata-mata untuk memenuhi konsep ilmiah. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan tidak dapat membantu survival dan kebolehan berdikari para pelajar dalam mengaplikasikan ilmu yang dipelajari apabila berada dalam masyarakat kelak.

Kenyataan-kenyataan ini juga memberi satu gambaran bahawa wujudnya kaedah pengajaran dan pembelajaran bidang pengajian Islam yang dilihat terpisah dan kaku dalam mendepani realiti masyarakat apabila hanya ditafsir dan dipelajari sebagai satu ilmu yang bersifat teori semata-mata. Menurut al-Attas (2005) pengajaran dan pembelajaran mengenai Islam perlu menekankan idea pokok (*master idea*) dalam menganalisis aspek-aspek penting dalam Islam yang kemudiannya disokong oleh kata-kata kunci yang lainnya yang menjadi unsur fundamental dalam pandangan agama Islam.

Majid Ersan Kailani (1997) pula membawa isu yang sama apabila beliau menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan dalam pedagogi pengajian Islam mendapati kaedah penghafalan dan sangat ditekankan dan menyetepikan budaya berfikir dalam pembelajaran



sehingga merendahkan dan mengabaikan nilai kemampuan akal. Keadaan ini menyebabkan perhatian hanya bertumpu kepada penyampaian daripada pengajar dan pelajar pula hanya perlu menghafal perkara yang disampaikan oleh pengajar tersebut. Kesannya pelajar daripada pengajian agama secara tidak langsung telah diasuh untuk mengamalkan ketertutupan minda terhadap pandangan orang lain sehingga mewujudkan satu kelompok yang menentang pemodenan atau sebarang perkara baru yang boleh membawa kepada sifat ekstrim dalam beragama (Sidek Fadzil 2002: 1).

Selain itu kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dibezakan iaitu sama ada ilmu yang diajar dan dipelajari sekadar untuk mendapatkan maklumat dan ada ilmu yang diajar dan dipelajari demi pengisian diri sebagai pakar yang mendukung tradisi ilmu yang dipelajarinya dalam bidang tersebut (Fauzi Hamat: 43). Perbezaan ini akan menjadikan input dan pendekatan pembelajaran dan pengajaran berbeza antara satu sama lain. Oleh itu keadaan ini memerlukan kepada satu matlamat pembelajaran yang tepat dan jelas dalam institusi pengajian Islam.

Namun begitu ini tidak bermakna kaedah-kaedah yang digunakan pada hari ini tidak baik atau tidak berkesan tetapi tenaga pengajar perlu mengambil kira aspek kesesuaian kaedah tersebut dengan subjek yang diajar bergantung kebolehan upaya pelajar yang berbeza-beza tahap kemampuannya dari segi kognitif dan psikologi pelajar itu sendiri selain daripada memanfaatkan teknologi terkini dalam meningkatkan kefahaman pelajar ketika berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Hubungan hati terhadap ilmu dan pengajaran**

Para ilmuan terdahulu seperti al-Ghazali (1993), Said Nursi (1974), Hassan al-Banna (1988) dan Ibnu Qayyim (1998) banyak membincangkan persoalan hati dalam memahami hakikat dan makna sebuah kehidupan sebagai seorang insan. Justeru itu dalam usaha untuk memahami erti kehidupan maka seseorang itu perlu kepada ilmu pengetahuan.

Jika diteliti dengan lebih mendalam ilmu dan hati mempunyai perkaitan yang sangat erat dalam proses kefahaman yang akhirnya membawa kepada amalan hasil daripada kefahaman individu tersebut. Kefahaman tersebut akan membawa kepada kesedaran dan bertitik tolak dari itulah wujudnya kesungguhan untuk beramal.

Ulama terdahulu banyak menyentuh aspek penjagaan hati melalui amalan tasawuf dan menempatkan hati sebagai elemen penting dalam memahami Islam berdasarkan kepada perkataan hati yang begitu banyak disebut dalam al-Quran dan hadith. Salah satu hadith yang menyebutkan tentang kepentingan hati diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

Sesungguhnya dalam diri manusia ada seketul daging. Sekiranya baik daging itu maka baiklah seluruh jasad, sebaliknya jika buruk daging itu maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah bahawa daging itu ialah hati.

Hati itu umpama raja manakala anggota badan merupakan rakyatnya. Apabila telah wujud hati yang mantap dengan keimanan maka ia mampu menggerakkan anggota badan ke arah kebaikan (al-Ghazali:9/3). Oleh itu hati memainkan peranan yang penting dalam mendapatkan kefahaman yang benar dan jelas. Bertitik tolak daripada hadith di atas aspek penjagaan hati merupakan perkara yang perlu diambil perhatian yang serius dalam proses pembentukan individu Muslim yang berkualiti. Hati juga tempat membina kefahaman yang membawa kepada pengamalan dan bukannya sekadar ingatan dan pengetahuan dan

setinggi-tinggi kefahaman adalah kefahaman bahawa semua makhluk (yang dicipta) adalah kepunyaan Allah sebagai pencipta segala yang berada di bumi dan langit dan apa yang ada antara kedua-duanya (Hassan: 27).

Namun begitu aspek ini dilihat kurang mendapat tempat dalam arus pengajaran dan pembelajaran bidang pengajian Islam. Subjek-subjek agama dianggap sebagai mata pelajaran semata-mata. Para pelajar dilihat mengamalkan sikap *tune-in* dan *tune out* dalam belajar seolah-olah subjek-subjek ini adalah satu 'siaran' yang boleh bertukar-tukar dalam tempoh kuliah dan tutorial yang telah ditetapkan dan akhirnya berakhir begitu sahaja setelah waktu pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek tersebut telah tamat (Suzalie: 25).

Kesan pengabaian aspek penjagaan hati untuk ikhlas yang meletakkan Allah sebagai matlamat tertinggi, berusaha mencari kebenaran dan mengamalkan perkara yang dipelajari ketika mendalami ilmu-ilmu agama menyebabkan timbulnya gejala negatif dalam kalangan pelajar pengajian Islam seperti fanatik mazhab, *Islamic coupling*, meniru dalam peperiksaan, menyembunyikan ilmu yang dipelajari, lalai dalam menuntut ilmu dan sebagainya.

Walaupun aspek penjagaan hati adalah satu perkara yang subjektif yang tidak dapat diukur secara saintifik dan tidak dapat dilihat secara mata kasar, sejarah terdahulu telah membuktikan kepada kita bahawa hati yang bebas dalam sifat-sifat mazmumah seperti riak, sombong, ghurur dan munafik bukan sahaja mampu merubah individu ke arah yang lebih baik malahan mampu membimbing masyarakat di sekelilingnya (Azizee: 31) melalui kisah para sahabat dan tabiin yang begitu gigih mencari ilmu dan mengembangkan ilmu yang dipelajari sehingga mengubah pemikiran dan cara hidup masyarakat pada zamannya seperti Abu Hurairah, Zaid bin Thabit, Ibnu Khaldun, Ibnu Sina, Imam as-Syafie dan sebagainya (Nurul Mukhlisin: 8). Majoritinya bukanlah terdiri daripada golongan kaya dan berketurunan mulia tetapi kekuatan hati itulah yang membantu dan meningkatkan darjat mereka oleh Allah di sisi manusia.

Oleh itu sistem pendidikan dalam bidang pengajian Islam perlu mengetengahkan isu ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar memperoleh keberkatan dan manfaat yang sewajarnya dalam mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu Allah Ta'ala.

## KESIMPULAN

Ilmu dan amal merupakan dua perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Kedua-dua elemen ini merupakan satu elemen yang penting dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan dalam konteks Islam. Sesuatu yang istimewa dalam Islam yang tidak ada dalam pendidikan Barat adalah kepentingan mengamalkan ilmu yang dipelajari biarpun ilmu tersebut hanya dipelajari tidak lebih daripada tempoh 24 jam. Kenyataan ini dapat dilihat melalui hadith yang diriwayatkan oleh at-Thabrani. Beliau telah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:

Perumpamaan orang yang mengajari orang lain kebaikan tetapi melupakan dirinya (tidak mengamalkan) laksana lilin yang menerangi manusia sementara dirinya terbakar.

Ibnu Qayyim dalam bukunya yang bertajuk *Miftah dar al-Sa'adah* (1979) juga telah menggariskan bahawa terdapat enam tingkatan dalam mempelajari ilmu pengetahuan iaitu:

1. Baik dalam bertanya
2. Baik dalam mendengarkannya
3. Baik dalam memahaminya
4. Menghafalnya
5. Mengajarkannya
6. Buahnya iaitu mengamalkannya dan menjaga batasan-batasannya

Imam Hassan al-Banna melontarkan satu kenyataan yang kritis mengenai fenomena negative dalam masyarakat Islam dalam bukunya yang bertajuk *Majmu' Rasaail* (1988):

Ada satu fenomena psikologi yang pelik dalam jiwa orang-orang Timur. Sesiapa sahaja yang mendengar gagasan (Islam) tersebut pasti dapat merasakan kekuatan gagasan tersebut yang mampu menggegarkan gunung, mengorbankan jiwa dan harta, menghadapi segala rintangan sehingga beroleh kemenangan bersamanya atau terkorban kerananya. Namun apabila selesai sesi ucapan dan orang ramai pun bersurai masing-masing alpa dengan keyakinan mereka dan lupa dengan gagasan mereka. Tidak langsung terfikir untuk melaksanakannya malah tidak langsung terlintas untuk berjihad sama sekali.

Oleh itu dalam usaha ke arah ilmu yang melahirkan amalan maka kita perlu kepada satu proses pembelajaran bermula daripada penghafalan atau ingatan sehinggalah kepada keupayaan untuk menganalisis ilmu yang telah dipelajari. Salah satu proses asas dalam mempelajari ilmu terutamanya ilmu turath adalah melalui kaedah penghafalan. Namun begitu kaedah penghafalan yang mengetepikan peranan keupayaan akal dalam memahami sesuatu perkara menyebabkan wujudnya fenomena taqlid dan tertutupnya pintu jiti had dalam mendepani cabaran semasa.

Kaedah ini melambatkan proses pembangunan minda yang membantutkan keupayaan berfikir dan akhirnya mematikan kepentingan beramal dalam kehidupan. Berdasarkan kepada kemahiran pengkelasan aras berfikir *Bloom Taxonomy* proses mensintesis dan menilai ilmu yang diperolehi merupakan aras tertinggi dalam proses berfikir. Proses ini membolehkan manusia menghasilkan 'sesuatu' daripada pengetahuan dan kefahaman serta cantuman ilmu yang pelbagai. Kedua-dua proses berfikir bermula daripada peringkat hafalan sehinggalah kepada kemampuan menganalisis perlu diseimbangkan agar manusia mampu memanfaatkan keupayaan akal dengan sewajarnya dan tidak menumpukan kepada satu-satu proses sahaja yang menghadkan peranan dan hak akal yang sebenarnya.

Namun begitu proses kemahiran berfikir ini agak berbeza dari sudut pandangan Islam kerana hakikat ilmu yang diperolehi merupakan ilmu yang dipelajari dengan hati dan bukannya akal semata-mata. Hal ini demikian proses mensintesis maklumat dalam rangka *Bloom Taxonomy* lebih bertumpu ke arah menghasilkan natijah yang berbentuk material dan tidak begitu meluas dari aspek akhlak yang banyak ditekankan dalam Islam.

### **PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)**

#### **Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)**

1. Muhamad Faisal Bin Ashaari (Ketua Projek), Zainab Binti Ismail, Badlihisam Bin Mohd Nasir, Md. Nor Bin Abdullah, Hakim Bin Zainal, Anuar Puteh, Razaleigh Bin Muhamad@Kawangit, Wan Nasyrudin Bin Wan Abdullah, Muhamad Adib Bin Samsudin, Ahmad Munawar Bin Ismail, Ismath Ramzi. 2012. *An Assessment of Teaching and Learning Methodology in Islamic Studies*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. (Indeks Scopus: telah diterima untuk penerbitan).

**Modal Insan (Sarjana Penyelidikan)**

1. Wan Ahsani Fadhilah Binti Wan Mahmud Khairi. 2012. Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pengajian Islam. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (sedang maju).

**Modal Insan (Pembantu Penyelidik)**

1. Wan Ahsani Fadhilah Binti Wan Mahmud Khairi

**PERBELANJAAN**

Kod Penyelidikan : PTS-2011-099  
 Sehingga Tarikh : 20/03/2012

VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
<b>2012</b>							
V11000 Wages and Allowances for Temporary & Contract Personnel	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	4,800.00	-4,800.00
V21000 Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1,196.00	-1,196.00
<b>Jumlah Bagi Tahun : 2012</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>5,996.00</b>	<b>-5,996.00</b>
<b>2011 Disember</b>							
V00000 Miscellaneous	12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	0.00	0.00	12,000.00
V21000 Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	200.00	-200.00
V26000 Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,698.00	-2,698.00
V29000 Special Services	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	25.00	-25.00
<b>Jumlah Bagi Tahun : 2011</b>	<b>12,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>12,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>2,923.00</b>	<b>9,077.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan :</b>	<b>12,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>12,000.00</b>	<b>0.00</b>	<b>8,919.00</b>	<b>3,081.00</b>

**RUJUKAN**

Abdul Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

A.B. Shamsul. 2005. Making Sense of the Plural-Religious Past and the Modern-Secular Present of the Islamic Malay World and Malaysia. *Asian Journal of Social Science*. **33**(3): 449-472.

Ahmad Abdul al-Waliy. 2000. A European Civil Project of a Documentation Center on Islam. *Journal of Muslim Minority Affairs*. **20**(1): 171-175.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2010. *Islamic Education in Malaysia*. Monograf 18, S. Rajaratnam School of International Studies, Nanyang Technology University. Singapore: Nanyang Technology University.

Ali Salman & Mohd Safar Hasim. 2011. Media Baru dan Demokrasi: Perubahan Landskap Politik di Malaysia. *Akademika*. **18**(1): 15-21.

- Alizi Alias. 2005. Social Science Research Methods and Statistics From An Islamic Perspective. Kertas kerja The International Conference of Quantitative Sciences and Its Application. Universiti Utara Malaysia Pulau Pinang, 6-8 Disember.
- Aziz Talbani. 1996. Pedagogy, Power, and Discourse: Transformation of Islamic Education. *Comparative Education Review*, **40**(1): 66-82.
- Barbara Metcalf. 1978. The Madrasa at Deoband: A Model for Religious Education in Modern India. *Modern Asian Studies*, **12**(1): 111-134
- Bradely J. Cook. 1999. Islamic Versus Western Concepts of Education: Reflection on Egypt. *Kluwer Academic Publisher*, **45**(3/4): 339-357.
- C. H. Samuel. 1996. The Vision from the Madrasa and Bes Medrash: Some Parallels between Islam and Judaism. *Bulletin of the American Academy of Arts and Sciences*, **49**: (4)
- Charles Hirschkind. 2001. Civic Virtue and Religious Reason: An Islamic Counterpublic. *Cultural Anthropology*, **16**(1): 3-34.
- Che Noraini, Hasan Langgulung. 2008. Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries. *Bulletin of Education and Research*, **30**(1): 1-19.
- Chibli Mallat Source. 2004. From Islamic to Middle Eastern Law. A Restatement of the Field (Part II). *The American Journal of Comparative Law*, **52**(1): 209-286
- C. J. Fuller. 2001. Orality, Literacy and Memorization: Priestly Education in Contemporary South India. *Modern Asian Studies*, **35**(1): 1-31.
- David E. Skinner. 1978. Mande Settlement and the Development of Islamic Institutions in Sierra Leone. *The International Journal of African Historical Studies*, **11**(1): 32-62.
- D. P Geoffrey. 2001. From Madrasa to Maison d'hôte: Historic Preservation in Mohammed VI's Morocco. *Middle East Report*, 218: 34-37.
- E. B. Charles. 1987. Medieval Islamic Philosophy and the Virtue of Ethics. *Arabica*, 221-250.
- Eric Hilgendorf. 2003. Islamic Education: History and Tendency. *Peabody Journal of Education*, **78**(2): 63-75.
- Farid Panjwani Source. 2005. Agreed Syllabi and Un-Agreed Values: Religious Education and Missed Opportunities for Fostering Social Cohesion. *British Journal of Educational Studies*, **53**(3): 375-393.
- Farish A. Noor. 2009. Thinking The Unthinkable. The Modernization and Reform of Islamic Higher Education in Indonesia. *S. Rajaratnam School of International Studies*. 152: 1-72.
- F. E. Dale. 1978. The Art of Memory: Islamic Education and Its Social Reproduction. *Comparative Studies in Society and History*, **20**(4): 485-516.
- F. E. Dale. 1992. Mass Higher Education and the Religious Imagination in Contemporary Arab Societies. *American Ethnologist*, **19**(4): 643-655.
- Frank Griffel. t.th. *Ibnu Tumart's Rational Proof For God's Existence and Unity and his Connection to the Nizamiyya Madrasah in Baghdad*: University of Yale.
- Frederick Mathewson Denny. 1994. Islamic Theology in the New World: Some Issues and Prospects. *Journal of the American Academy of Religion*, **62**(4): 1069-1084.
- Gad G. Gilbar Source. 2003. The Muslim Big Merchant-Entrepreneurs of the Middle East, 1860-1914. *Die Welt des Islams, New Series*, **43**(1): 1-36.
- Gail Minault & David Lelyveld. 1974. The Campaign for a Muslim University, 1898-1920. *Modern Asian Studies*, **8**(2): 145-189.
- George Makdisi. 1970. Madrasa and University in the Middle Ages. *Studia Islamica*, 32: 255-264.
- Glynda Hull & Katherine Schultz. 2001. Literacy and Learning out of School: A Review of Theory and Research. *Review of Educational Research*, **71**(4): 575-611.

- Hafeez Malik. 1968. Sir Sayyid Ahmad Khan's Doctrines of Muslim Nationalism and National Progress. *Modern Asian Studies*, **2**(3): 221-244
- Halstead J. M. 2004. An Islamic Concept of Education. *Comparative Education*, **40**(4): 517-529.
- Humayun Kabir. 1956. Continuity of Tradition in Indian Educational Thought. *Philosophy East and West*, **6**(1): 13-33.
- Jabatan Pengajian Tinggi, Bahagian Kemasukan Pengurusan Pelajar (atas talian)  
<http://upu.mohe.gov.my/> (19 Ogos 2011)
- Jadon Park & Sarfaroz Niyozov. 2008. Madras Education in South Asia and Southeast Asia: Current Issues and Debates. *Asia Pacific Journal Education*, **28**(4): 323-351.
- Jacques Waardenburg. 1965. Some Institutional Aspects of Muslim Higher Education and Their Relation to Islam. *Numen*, **12**: 96-138.
- J. N. Matthew. 2006. Muslims, Markets, and the Meaning of a "Good" Education in Pakistan. *Asian Survey*, **46**(5): 699-720.
- Khaled Abou El Fadl. 2001. Islam and the Theology of Power. *Middle East Report*, **221**: 28-33.
- Maznah Mohamad. 2008. Malay/Malaysian/Islamic: Four Genres Of Political Writings and The Postcoloniality of Autochthonous Texts. *Institute of Postcolonial Studies*, **11**(3): 293-313.
- Meir Hatina Source. 2006. Restoring a Lost Identity: Models of Education in Modern Islamic Thought. *British Journal of Middle Eastern Studies*, **33**(2): 179-197.
- Michael Lambek. 1990. Certain Knowledge, Contestable Authority: Power and Practice on the Islamic Periphery. *American Ethnologist*, **17**(1): 23-40.
- Michael Lambek. 1990. The Practice of Islamic Experts in a Village on Mayotte. *Journal of Religion in Africa*, **20**: 20-40.
- Michael S. Merry & Geert Driessen. 2005. Islamic Schools in Three Western Countries: Policy and Procedure. *Comparative Education*, **41**(4): 411- 432.
- Mohamed Abdi. 2003. Back to Koranic Schools in Somalia. *Cahiers d'Études Africaines*, **43**(169/170): 351-369.
- Monique C. Cardinal. 2005. Islamic Legal Theory Curriculum: Are the Classics Taught Today?. *Islamic Law and Society*, **12**(2): 224-272
- Mucha-Shim Quiling Arquiza. 2006. Philippine Ethnic and Muslim Minorities: Educating Children the Traditional Way. *Mountain Research and Development*, **26**(1): 24-27.
- Muhammad Qasim Zaman. 1999. Commentaries, Print and Patronage: "Hadith" and the Madrasas in Modern South Asia. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London*, **62** (1): 60-81.
- M. L. Ira. 1973. The Evolution of Muslim Urban Society. *Comparative Studies in Society and History*, **15**(1): 21-50.
- N. B. Helen. 2006. Memorization and Learning in Islamic School. *Comparative Education Review*, **50** (3): 478 – 495.
- Paizah Ismail, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohammaddin Abdul Niri, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2008. Masalah Pendidikan. *Academia edu*. **31** (1): 193-214.
- Patricia Jeffery, Roger Jeffery & Craig Jeffrey. 2004. Islamization, Gentrification and Domestication: 'A Girls' Islamic Course' and Rural Muslims in Western Uttar Pradesh. *Modern Asian Studies*, **38**(1): 1-53.
- Reza Afshari. 1994. An Essay on Islamic Cultural Relativism in the Discourse of Human Rights. *Human Rights Quarterly*. **16**(2): 235-276.
- Robiah Sidin. 2001. Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Tempatan. *Akademika*, **57**(3)23-45.

- Sa'eda Buang. 2007. Madrasah and Muslim Education: Its Interface with Urbanization. *International Handbook of Urban Education*, 321-342.
- Saeeda Shah. 2006. Educational Leadership: An Islamic Perspective. *British Educational Research Journal*, **32**(3): 363-385.
- Said Amir Arjomand. 1999. The Law, Agency, and Policy in Medieval Islamic Society: Development of the Institutions of Learning from the Tenth to the Fifteenth Century. *Comparative Studies in Society and History*, **41**(2): 263-293.
- Sidek. Ab. Aziz. 2007. *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi*. Monograf 5, Pusat Pembangunan Akademik, UPM. Serdang: Penerbit UPM.
- Siew Yean Tham & Andrew Jia Yi Kam. 2008. Internationalising Higher Education: Comparing The Challenges Of Different Higher Education Institutions in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Education*, **28**(4): 353–367.
- Susan L. Douglass & Ross E. Dunn. 2003. Interpreting Islam in American Schools. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, **588**: 52-72.
- Ulrich Haarmann. 1988. Rather the Injustice of the Turks than the Righteousness of the Arabs: Changing 'Ulamā' Attitudes Towards Mamluk Rule in the Late Fifteenth Century. *Studia Islamica*, **68**: 61-77.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 1994. Morality and Salvation in Malaysia's Islamic Literature of The 1970's and 80's. *Akademika*, **45**: 79-97.
- Zamri Mahamod *et.al.* 2008. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (). *The concept of education in Islam*.
- Bilal Gokker. 2003. The Application of Western Comparative Religious and Linguistic Approaches to the Qur'an in Turkey. *Islam and Christian-Muslim Relations*, **14** (3): 249-263.
2009. Models of Learning and Teaching in Medieval Islam; A Collection of Essays. *International Journal of the Classical Tradition*, **16**(1); 75-87.
- Uzma Anzar. 2003. Islamic Education: A Brief History of Madrassas With Comments on Curricula and Current Pedagogical Practices.
- Jaddon Park & Sarfaro Niyozov. 2008. Madrasa education in South Asia and Southeast Asia: Current issues and debates. *Asia Pacific Journal of Education*, **28**(4): 323–351.
- Eric Hilgendorf. 2003. Islamic Education: History and Tendency. *Peabody Journal of Education*, **78**(2): 63-75.
- Sarfaro Niyozov & Nadeem Memon. 2011. Islamic Education and Islamization: Evolution of Themes, Continuities and New Directions. *Journal of Muslim Minority Affairs*, **31**(1): 5-30.
- Rosnani Hashim.. Intellectualism in Higher Islamic Traditional Studies: Implications for the Curriculum. *American Journal of Islamic Social Sciences*, **24**(3): 92-115.
- Rosnani Hashim. Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century. *American Journal of Islamic Social Sciences*, **22**(4): 133-147.
- Azmi Aziz & Shamsul A. B. 2004. The religious, the plural, the secular and the modern: a brief critical survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, **5**(3), 341-356.